

## **Menangani Inflasi**

**oleh Dr Zulkipli Omar**

**Fello Penyelidik Kanan**

**Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)<sup>1</sup>**

Inflasi bukan suatu fenomena baru di dalam ekonomi. Ianya merupakan satu istilah Inggeris yang telah di melayukan dan dikaitkan dengan ekonomi. Walaupun dari sudut bahasa ianya bermakna kenaikan secara umum, namun ia lebih dikenali sebagai kenaikan harga. Apakah buruk-baiknya inflasi dan bagaimanakah cara untuk menanganinya?

Dari sudut makroekonomi, inflasi merupakan kenaikan harga umum. Kebiasaannya, ia diukur melalui kenaikan indeks harga pengguna. Manakala indeks harga pengguna pula dikira melalui harga barangan dan perkhidmatan terpilih yang diguna secara meluas oleh keseluruhan pengguna. Ia biasa dirujuk sebagai bakul barangan dan perkhidmatan terpilih yang telah dikenalpasti. Harga segala barangan dan perkhidmatan di dalam bakul tersebut diindekskan sebagai suatu nombor neutral tanpa nilai ringgit. Inflasi (atau deflasi sekiranya turun) dikira melalui turun naiknya indeks tersebut. Sekiranya kebanyakan harga barangan dan perkhidmatan di dalam bakul meningkat maka nilai indeks akan naik dan ekonomi dikatakan mengalami inflasi, dan sebaliknya deflasi sekiranya nilai indeks turun.

Sering inflasi dikaitkan dengan sesuatu yang buruk dan menakutkan. Ini merupakan suatu pemahaman konsep yang salah di dalam ekonomi. Pertama, inflasi tidak semestinya sesuatu yang negatif. Inflasi juga boleh merupakan sesuatu yang baik atau positif. Kedua, jika dilihat inflasi sebagai sesuatu yang negatif, deflasi juga boleh memberi makna negatif.

---

<sup>1</sup> Pandangan yang dikemukakan adalah milik pengarang dan tidak semestinya mewakili pandangan MIER.

Turun-naik harga amat penting di dalam sebuah ekonomi pasaran bebas. Ianya merupakan isyarat pasaran yang akan mempengaruhi tingkahlaku pengeluar dan pengguna. Pengeluar akan mempengaruhi penawaran, manakala pengguna mempengaruhi permintaan. Tingkahlaku pengeluar dan pengguna yang bergantung kepada isyarat harga akan memastikan sumber di dalam ekonomi di agih secara cekap. Oleh yang demikian, mekanisma pengawalan harga di dalam pasaran adalah tidak sihat dan boleh mengganggu kecekapan pasaran. Ini seterusnya akan memberi kesan yang lebih buruk untuk jangka panjang.

Justeru, bukan inflasi atau deflasi yang perlu semata-mata dirisaukan. Asalkan nilai mutlaknyanya tidak terlampau tinggi, maka tidak perlu dirisaukan sangat. Yang lebih penting dan perlu diberi tumpuan adalah perubahan nilai tersebut, contohnya perubahan tahunan. Sesebuah ekonomi yang sihat mempunyai paras harga yang stabil. Kestabilan harga membuat perancangan lebih mudah samaada di pihak pengeluar atau pengguna. Oleh yang demikian, kita sering melihat negara-negara maju lebih mengutamakan kestabilan harga, tanpa kawalan, sebagai sasaran polisi disamping pertumbuhan ekonomi.

Terdapat dua jenis atau punca inflasi, iaitu tarikan permintaan atau tolakan kos. Biasanya kedua-dua faktor susah dikenalpasti dan berlaku serentak. Contohnya dalam situasi sekarang, penurunan harga minyak akan menyebabkan penurunan kos pengeluaran. Jika tiada kawalan harga, kemungkinan kebanyakan harga barangan akan turun. Namun, kajatuhan nilai ringgit berbanding dengan dolar Amerika akan menaikkan harga kebanyakan barangan yang diimport, samaada untuk penggunaan akhir atau untuk pemerosesan seterusnya. Ini kerana kebanyakan transeksi import dilakukan di dalam dolar Amerika. Apa yang pasti, terutama sebagai pengguna, ada barangan dan perkhidmatan yang mengalami kenaikan harga dan ada yang mengalami penurunan harga.

Pengguna perlu menangani kenaikan harga melalui pengurusan kewangan berhemah. Inflasi yang tinggi bermakna pendapatan benar menurun, dengan kata lain kita menjadi lebih miskin tanpa pertambahan pendapatan. Untuk sekurang-kurangnya mengekalkan taraf kehidupan yang sama, pengguna boleh menggunakan dua kaedah

untuk menangani situasi ini. Pertama melalui catuan, dimana kita mengurangkan penggunaan barangan yang mengalami kenaikan harga dengan perbelanjaan yang sama. Disamping memastikan perbelanjaan kita tidak berubah, kaedah ini juga mampu menurunkan harga jika ramai pengguna berbuat demikian kerana kuantiti permintaan akan turun. Kaedah catuan ini berkesan untuk tindakan jangka pendek dan tiada perubahan struktur yang ketara di dalam ekonomi.

Cara yang kedua adalah melalui penggunaan barangan pengganti yang mampu memberi kepuasan atau fungsi yang serupa dengan barangan yang mengalami kenaikan harga. Jika ramai pengguna berbuat demikian, permintaan untuk barangan asal yang mengalami kenaikan harga akan turun atau apa yang disebut sebagai perubahan permintaan di dalam ekonomi (yakni keluk permintaan berubah ke kiri). Jika ini berlaku, harga untuk barangan tersebut akan turun dan lebih berkekalan untuk jangka panjang. Pada masa yang sama, harga barangan pengganti yang lain juga akan turut menurun disebabkan oleh persaingan.

Kedua-dua kaedah tersebut adalah apa yang biasa disebut sebagai menggunakan kuasa pengguna untuk menangani kenaikan harga barangan. Pengguna perlu lebih bijak menggunakan kuasa mereka, lebih-lebih lagi maklumat mudah diperolehi di zaman ini. Pemikiran “kawalan harga oleh kerajaan” perlu dikikis kerana keberkesanannya hanya sementara dan lebih penting ianya mengganggu kecekapan pasaran bebas. Perlu juga diingat, sebagai sebuah ekonomi terbuka harga barangan adalah ditentukan diperingkat global. Ini satu realiti yang kita perlu terima terutamanya sebagai sebuah negara maju yang kita idamkan menjelang tahun 2020.